

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
(BINTULU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.11.2017

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah perancangan Kementerian bagi mewujudkan satu Pusat Transformasi Bandar (UTC) ataupun Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di setiap Bahagian atau Daerah negeri Sarawak terutamanya Bintulu memandangkan Bintulu merupakan bandar perindustrian yang sedang pesat membangun.

JAWAPAN

Untuk makluman YB, Pusat Transformasi Bandar (UTC) merupakan salah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy - NBOS) bertujuan menyediakan pelbagai perkhidmatan utama Kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti bandar.

Hasrat kerajaan adalah untuk menubuhkan UTC di setiap ibu negeri di Malaysia yang dikenali sebagai UTC Negeri dan sekiranya terdapat keperluan, Kerajaan akan mewujudkan UTC Bandar di **bandar-bandar utama yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi** dan mengambil kira jarak antara sesuatu lokasi UTC.

Kementerian Kewangan mengambil maklum bahawa Bintulu merupakan salah satu bandar utama di Sarawak yang sedang pesat membangun dan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Keutamaan pada masa ini diberikan kepada penubuhan UTC di negeri-negeri yang masih belum mempunyai UTC seperti di Pulau Pinang dan Selangor. Untuk makluman YB juga, buat masa ini Kerajaan telah menubuhkan tiga (3) UTC di Sarawak iaitu UTC Sarawak di Kuching, UTC Sibu dan UTC Miri. Kementerian Kewangan (MOF) akan mempertimbangkan cadangan pewujudan *UrbanTransformation Centre* (UTC) di Bintulu, Sarawak berdasarkan peruntukan pada masa hadapan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada masa ini penubuhan RTC adalah berpandukan kepada dasar 1 RTC bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia dan lebih daripada sebuah RTC bagi Sabah

dan Sarawak. Setakat ini belum ada perancangan untuk menubuhkan RTC di daerah Bintulu. Kajian keperluan penubuhan RTC perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum sesebuah RTC baharu ditubuhkan serta tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Untuk makluman, buat masa ini telah ada 3 RTC di Sarawak iaitu:

- i. RTC Sibuti
- ii. RTC Betong
- iii. RTC Bario

SOALAN (26)
PR-1353-L03720

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 6 November 2017
[Isnin]
DARIPADA : YB. LIM GUAN ENG
[BAGAN]

SOALAN :-

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah wang yang dihulurkan kepada mangsa-mangsa banjir sejak tahun 2013 dan nyatakan jumlah yang diberikan kepada setiap orang mengikut pecahan negeri dan daerah. Mengapa negeri Pulau Pinang tidak dapat bantuan sedemikian dan adakah ia turut akan diberikan kepada mangsa-mangsa banjir Pulau Pinang yang paling teruk dalam sejarah di kawasan pulau pada 15.9.2017 ekoran tempas Taufan Doksuri yang mana Kerajaan Negeri telah pun berikan RM400 kepada setiap mangsa.

41

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2013 sehingga September 2017 Kerajaan telah membelanjakan RM234,883,470.00 bagi membantu mangsa bencana melalui bantuan terus Wang Ihsan Bencana kepada mangsa-mangsa bencana. Perincian agihan Wang Ihsan Bencana daripada tahun 2013 hingga tahun 2017 mengikut negeri adalah seperti yang berikut:

- | | |
|----------------------|----------------|
| a) Negeri Kelantan | - RM90.34 juta |
| b) Negeri Pahang | - RM41.06 juta |
| c) Negeri Terengganu | - RM34.05 juta |
| d) Negeri Sarawak | - RM28.65 juta |
| e) Negeri Sabah | - RM14.16 juta |
| f) Negeri Perak | - RM9.03 juta, |
| g) Negeri Johor | - RM7.13 juta, |

- h) Negeri Selangor - RM4.66 juta,
- i) Negeri Kedah - RM4.02 juta,
- j) Negeri Melaka - RM896,210,
- k) Negeri Sembilan - RM469,000,
- l) Negeri Perlis - RM217,500,
- m) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - RM167,000 dan
- n) Negeri Pulau Pinang -RM35,500.

Pada dasarnya, bantuan Wang Ihsan sebanyak RM500 tidak diberikan kepada kejadian banjir kilat dan hanya diberikan kepada mangsa banjir yang terlibat di dalam musim Monsun Timur Laut (MTL) sahaja. Walaubagaimanapun memandangkan kejadian banjir di Pulau Pinang pada 15 September 2017 dianggap luar biasa, bantuan wang ihsan sebanyak RM500 akan dipertimbangkan untuk diberikan kepada mangsa-mangsa banjir yang terlibat di Pulau Pinang berdasarkan senarai nama yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri

43

(JPBN) pada 17 Oktober 2017 tertakluk kepada proses pemutihan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Sekian, terima kasih.